

4



Haflut Takharruj Kali Ke Sebelas dan 30 Tahun Penubuhan ITQSHHB

6



Pelancaran Bacaan 30 Juzu' di Saluran Radio Al-Qur'an 89.1fm dan 99.7fm



BERITA UTAMA

INDIVIDU SIHAT MENJADI SUMBER TENAGA KERJA YANG BERKUALITI

»3

مسلمین MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



**OGOS
2023M**
Muhamarram - Safar 1445H
Tahun 35 • Bil 8

Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiyah

16

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan
OGOS
31
Orang

1 Khatam Al-Qur'an Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM

7

Qari Dan Qari'ah Negara Selamat Kembali ke Tanah Air

13

2 Makan Malam Perpisahan Bagi Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi

8

20 Peserta Sertai Kursus Siri Ilmu Fardhu 'Ain: 'Discovering Islamic Belief System'

14

3 12 Orang Pelajar Menerima Biasiswa

9

65 Sertai Skim Bimbingan Muallaf

15

4 Konvokesyen Akademi Da'wah 4.0

10-11

Program Masjid Tour Kali ke-3

19


5 Doa Kesyukuran Haflut Takharruj Kali Kesebelas ITQSHHB 1445H/2023M

12

Menteri Hal Ehwal Ugama Terima Kunjungan Perpisahan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura

20





Doa Rabbana Dalam Al-Qur'an

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENYELARAS:** Azizah binti Hidup • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlia bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah binti Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •



MERAIH KEBERKATAN DALAM KEHIDUPAN

Kita sangat dianjurkan untuk meraih segala sesuatu yang diberkati dan mencari keberkatan mengikut cara yang sesuai berlandaskan syariat Islam. Usaha mencari keberkatan kepada selain Allah adalah perbuatan syirik iaitu menyekutukan Allah. Oleh itu, segala usaha untuk mendapatkan keberkatan hendaklah disandarkan kepada Allah kerana semua jenis keberkatan berasal dari-Nya dan setiap yang disandarkan kepada-Nya adalah diberkati. Dialah yang memberkati segala sesuatu di dunia dan akhirat.

Antara cara untuk memperolehi keberkatan itu ialah dengan mengamalkan zikir, memperbanyakkan doa dan membaca al-Qur'an, mematuhi segala perintah-Nya dan sebagainya. Segala amalan yang berlandaskan kepada ajaran Islam membuatkan kehidupan kita sentiasa dilimpahi keberkatan di samping memperolehi pahala yang berlipat ganda. Semakin banyak amalan yang kita lakukan maka semakin banyaklah keberkatan yang Allah Subhanahu wa Ta'alā berikan kepada hamba-hamba-Nya. Keberkatan yang dianugerahkan oleh Allah inilah yang akan menjadikan kita hidup dalam kemakmuran dan kebahagiaan sama ada di dunia maupun di akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu wa Ta'alā dalam surah an-Nahl, ayat 97 yang mafhumnya:

Sesiapa yang mengerjakan amalan yang salah sama ada laki-laki atau perempuan sedang dia orang yang beriman maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan.

DOA MEMOHON KEAMPUNAN

رَبَّنَا إِنَّا آمَّا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
...
17

MAFHUMNYA:

"...Ya Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman maka ampunilah dosa-dosa kami dan peliharalah kami daripada azab neraka."

Surah Aali-'Imraan, ayat 16

INDIVIDU SIHAT MENJADI SUMBER TENAGA KERJA YANG BERKUALITI

Oleh : Azizah Hidup



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Hafli Al-Takharruj UNISSA Ke-13, Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

BERAKAS, Rabu, 13 Safar bersamaan 30 Ogos - Kemiskinan adalah isu sosial yang boleh menjadikan kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan pendidikan. Sekalipun isu kemiskinan di Negara Brunei Darussalam tidaklah sebesar di negara membangun lainnya tetapi ia tetap perlu ditangani.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Hafli Al-Takharruj UNISSA Ke-13, Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

"Dalam Islam, pembangunan sosial masyarakat adalah menjadi tanggungjawab setiap individu dan lambang keutuhan iman.

"Ini jelas apabila Baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menitikberatkan isu sosial sehingga baginda menafikan kesempurnaan iman bagi siapa yang tidak kekenyangan sedang dia mengetahui jiran tetangganya tidak dalam kelaparan," titah baginda lagi.

KDYMM bertitah menzahirkan pendapat bahawa UNISSA berperanan besar untuk turut menangani isu ini.

"UNISSA boleh berganding bahu membasmi kemiskinan di negara ini dengan melaksanakan penyelidikan-penyeleidikan yang bersesuaian.

"Daripada hasil penyelidikan itu, akan dapat dikenal pasti cara atau jalan untuk membantu golongan terbabit melalui penjanaan pendapatan dan peningkatan taraf hidup dan seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan," titah baginda.

Isu kemiskinan ini juga berkait rapat dengan isu sekuriti makanan. Baginda bertitah bahawa makanan yang berkhasiat adalah diperlukan untuk kesihatan fizikal dan mental.

"Individu yang sihat akan menjadi sumber tenaga kerja yang berkualiti yang boleh menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan negara.

"Kebetulnya pula dengan wujudnya Fakulti Pertanian di UNISSA, Beta percaya dengan kepakaran yang

dimiliki akan dapat menyumbang bagi menaiktarafkan ekosistem pertanian dan peningkatan kualiti, hasil pengeluaran pertanian dan pemakanan negara. Termasuk dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk menambah sumber pendapatan dan sekali gus menyokong agenda global ke arah mencapai matlamat kelaparan sifar dalam Sustainable Development Goals (SDG)," jelas baginda dalam titah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, seperti dimaklumi SDG adalah agenda global yang ditekankan untuk dilaksanakan oleh setiap negara, yang mana negara ini turut tidak ketinggalan berusaha ke arah mencapai matlamat berkenaan. Daripada 17 matlamat yang telah disenaraikan oleh PPB, titah baginda, antaranya ialah sifar kemiskinan.

Menyentuh mengenai kualiti program dan keperluannya kepada negara pula, baginda bertitah mengambil maklum bahawa program Dwi-Ijazah Syari'ah dan Undang-Undang yang sedang berjalan pada masa ini adalah ditawarkan di bawah Fakulti Syari'ah dan Undang-Undang.

"Program yang seumpama ini tidak ditawarkan di institusi pengajian tinggi awam tempatan yang lain selain UNISSA sahaja. Beta melihat, ini adalah satu kelebihan bagi UNISSA," jelas baginda lagi.

Namun begitu, baginda bertitah, untuk mencapai kesan lebih baik dan kualiti lebih tinggi, maka baginda berpendapat, ada keperluan untuk menjadikannya dua fakulti berasingan, satu Fakulti Syari'ah dan satu lagi Fakulti Undang-Undang, di mana dengan hal yang demikian, dapatlah masing-masing fakulti itu akan beroperasi lebih teratur dan dapat memberikan tumpuan khusus supaya modul atau kursus di dalamnya boleh dirangka dengan lebih terarah. ■

HAFLUT TAKHARRUJ KALI KE SEBELAS DAN 30 TAHUN PENUBUHAN ITQSHHB

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat ke Majlis Haflut Takharruj Kali Ke Sebelas Dan 30 Tahun Penubuhan ITQSHHB.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 25 Muharram bersamaan

12 Ogos – Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan penganugerahan syahadah (sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at kepada 28 orang graduan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ke Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-II Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim

bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie; dan Yang Mulia Ustaz Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Berangkat sama ke Majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis dimulakan dengan persembahan hafazan ayat-ayat suci



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda berkenan menyempurnakan pengurniaan penganugerahan syahadah (sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at kepada salah seorang graduan.

al-Qur'an, Surah asy-Syams ayat 1 hingga ayat 15 bacaan Al-Qur'an Tarannum oleh Yang Mulia Awang Muhammad Fuad Hilmi bin Razali. Sementara intisari ayat dibacakan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Nur Nasrullah bin Abdullah Abdul Razak.

Majlis diikuti dengan sembah aluan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenaan mengurniakan sabda.

Majlis diteruskan dengan ceramah khas bertajuk "Menghayati Al-Qur'an dalam Kehidupan" yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Mohammad Nasyith bin Superi, Alumni Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang kini merupakan Pegawai Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Disusuli dengan tayangan video korporat bersempena 30 Tahun Penubuhan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan penganugerahan syahadah (sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at kepada 28 orang graduan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pengurniaan syahadah Diploma 'Aliyah Qira'at kepada 28 orang graduan kali ini terdiri daripada 15 penerima pangkat Mumtaz (Cemerlang), 10 penerima pangkat Jayyid Jiddan (Sangat Baik), seorang (1) penerima pangkat Jayyid (Baik) dan dua (2) penerima pangkat Maqbul (Lulus). Penganugerahan Diploma 'Aliyah Qira'at Al-Qur'an kepada para graduan Institut Tahfiz Al-Quran

Sultan Haji Hassanal Bolkiah adalah sebagai pengiktirafan atas kejayaan para siswa-siswi khusus dalam bidang Hafazan al-Qur'an dan ilmu Qira'at.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Majlis HaflutTakharruj ini diadakan bagi meraikan graduan Diploma 'Aliyah Qira'at dan sekali gus merealisasikan visi institut berkenaan sebagai sebuah institusi tahfiz dan perkembangan al-Qur'an yang terunggul di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda berkenan mengurniakan sabda.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan bergambar ramai bersama para graduan Diploma 'Aliyah Qira'at.



ANTARA graduan yang menerima penganugerahan syahadah (sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at.

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah merupakan sebuah institusi Pengajian Tahfiz Al-Quran di peringkat Menengah dan Diploma yang menggabungkan Hafazan al-Qur'an dan ilmu-ilmu al-Qur'an sebagai dasar di samping mata pelajaran yang lain. Institut tersebut maju setapak lagi dengan penubuhan Program Diploma 'Aliyah Qira'at pada bulan Ogos 2010M. Sehingga kini, institut berkenaan telah pun melahirkan seramai 309 orang graduan Diploma 'Aliyah Qira'at. ■

PELANCARAN BACAAN 30 JUZU' DI SALURAN RADIO AL-QUR'AN 89.1FM DAN 99.7FM

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim

BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 15 Muhamarram bersamaan
2 Ogos 2023 – Pusat Da'wah
Islamiah (PDI) melalui Bahagian
Media (Multimedia Da'wah) dengan
kerjasama Pusat Pengajian dan
Penyebaran Al-Qur'an MABIMS,
Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji
Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) telah
mengadakan Majlis Pelancaran
Rancangan Radio Bacaan 30 Juzu'
Al-Qur'an oleh Hafiz Tempatan
di Saluran Radio Al-Qur'an 89.1
FM dan 99.7 FM bersempena 30
Tahun Penubuhan Institut Tahfiz Al-
Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah
(ITQSHHB). Majlis diadakan di Hotel
Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis
ialah Yang Berhormat Pehin Udana
Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz
Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwel Ugama.

Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Dato
Seri Paduka Haji Mohammad Tashim
bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan
Menteri Hal Ehwel Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan
Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah
oleh Yang Mulia Awang Muhammad
Najib bin Haji Ali Akbar, Pegawai
Pelajaran, ITQSHHB.

Diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh
Yang Mulia Haji Abd Rajid bin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama menyempurnakan pelancaran Rancangan Radio Bacaan 30 Juzu' Al-Qur'an oleh Hafiz Tempatan di Saluran Radio Al-Qur'an 89.1 FM dan 99.7 FM.

Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat
Da'wah Islamiah selaku Pengurusi
Bersama Majlis antaranya menjelaskan,
rakaman audio bacaan 30 juzu' Al-
Qur'an oleh Hafiz tempatan iaitu
Awang Mohammad Hashim bin
Haji Abdullah telah selesai disemak
dan ditashihkan keseluruhannya
oleh Jawatankuasa Penyemak dan
Pentashih, PDI dan ITQSHHB yang
mengambil masa selama lima tahun
secara berperingkat-peringkat.

Penyemakan dan pentashihan itu
perlu dibuat dengan teliti agar bacaan
al-Qur'an yang diperdengarkan di
saluran radio adalah sahih dan betul.
Lebih-lebih lagi pentashihan ini adalah
ayat-ayat suci al-Qur'an *kalamullah*
'Azza Wajalla.

Majlis diteruskan dengan Pelancaran
Rancangan Radio Bacaan 30 Juzu'
Al-Qur'an yang disempurnakan oleh
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwel
Ugama. Majlis diserikan lagi dengan
persesembahan daripada tempatan,
Yang Mulia Awang Mohd Hashim
bin Haji Abdullah, Pegawai Pelajaran
(Al-Qur'an dan Al-Qira'at), Pusat
Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an
MABIMS, ITQSHHB. Majlis diakhiri
dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis pelancaran ini diadakan
bertujuan untuk memberiakan
rancangan radio baharu kelolaan
Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian
Hal Ehwel Ugama melalui saluran
radio Al-Qur'an 89.1FM dan 99.7FM.
Di samping itu, sebagai kemudahan
untuk orang ramai mendengar ayat-
ayat suci al-Qur'an dengan kaedah
bacaan yang betul dan sempurna
serta dapat menghayatinya. Ianya juga
bertujuan untuk menampilkan Hafiz
Tempatan Negara Brunei Darussalam
dengan bacaan audio secara Murattal
30 Juzu' Al-Qur'an di saluran radio
Al-Quran 89.1FM dan 99.7FM yang
mana kedua-dua saluran radio ini
akan menyiar bacaan tersebut 24
jam pada setiap hari.



TURUT hadir Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwel Ugama di majlis tersebut.

KHATAM AL-QUR'AN SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KDYMM

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama hadir selaku tetamu kehormat di majlis Khatam Al-Qur'an Kumpulan Tadarus Subuh Masjid, Surau dan Balai Ibadat Senegara bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Ahad, 10 Safar bersamaan

27 Ogos – Unit Takmir Bahagian
Imarah Jabatan Hal Ehwel Masjid dan
Pejabat Hal Ehwel Masjid, Daerah
Brunei Muara dengan kerjasama
Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid
Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam,
Kampong Jerudong, buat julung
kalinya telah mengadakan Majlis
Khatam Al-Qur'an Kumpulan Tadarus
Subuh Masjid, Surau dan Balai
Ibadat Senegara bersempena Ulang
Tahun Hari Keputeraan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam yang Ke-77 Tahun. Majlis
tersebut merupakan kesinambungan



dari majlis bertadarus yang
dijalankan setiap selepas menunaikan
sembahyang Fardhu Subuh berjemaah
di masjid-masjid, surau-surau dan
balai-balai ibadat di seluruh negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis
ialah Yang Berhormat Pehin Udana
Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz
Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwel Ugama Negara
Brunei Darussalam.

Acara pada pagi tersebut dimulakan
dengan bacaan Surah al-Fatihah
dipimpin oleh tetamu kehormat
majlis. Diikuti dengan bacaan surah-
surah khatam diketuai oleh Yang
Mulia Awang Apipudin bin Imam
Yahya. Manakala bacaan Takhtim
diketuai oleh Yang Mulia Haji
Mohd Amaluddin bin Haji Jamaluddin,
Pegawai Hal Ehwel Masjid, Masjid
Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam,
Kampong Jerudong. Seterusnya, Doa
Khatam dibacakan oleh Yang Mulia
Awang Apipudin bin Imam Yahya.

Acara turut diserikan dengan Dikir
Marhaban oleh para pegawai masjid
dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid
Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam,



Kampong Jerudong. Acara diakhiri
dengan Doa Peliharakan Sultan dan
Negara Brunei Darussalam dibacakan
oleh Yang Mulia Awang Abdul Wafi
bin Semidan, Bilal Masjid Kampong
Tanah Jambu.

Antara tujuan acara ini dijalankan
adalah untuk menyuntik semangat
cinta kepada al-Qur'an dan
beramal dengannya. Di samping
menyemarakkan masjid dengan
aktiviti-aktiviti keugamaan ke arah
menjadikan negara ini sebagai sebuah
"Negara Zikir", ianya juga untuk
mengeratkan lagi silaturrahim dalam
kalangan ahli Kumpulan Tadarus
Subuh dan ahli jawatankuasa takmir
masjid serta jemaah masjid, surau dan
balai ibadat seluruh negara. ■

MAKAN MALAM PERPISAHAN BAGI DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK KERAJAAN ARAB SAUDI

Oleh : Dahlan Chuchu



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama selaku tetamu kehormat majlis Makan Malam Perpisahan Bagi Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi.



KEDUA belah pihak saling bertukar cenderahati di majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Safar bersamaan 28 Ogos – Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwel Ugama, Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Makan Malam bagi Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz Al Muhanna yang akan menamatkan perkhidmatannya.

Majlis diadakan di Bilik Chukka 2, Tarindak D'Polo, Jerudong.



TUAN Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz Al Muhanna (kanan) yang akan menamatkan perkhidmatannya.



MENTERI Hal Ehwel Ugama, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan Pegawai-pegawai Kanan KHEU bergambar kenangan bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam.

I2 ORANG PELAJAR MENERIMA BIASISWA

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Safar bersamaan 31

Ogos – Seramai 12 orang pelajar telah ditawarkan biasiswa bagi mengikuti pengajian di luar dan dalam negara, tujuh daripadanya akan meneruskan pengajian di peringkat Sarjana Muda di beberapa buah institusi pengajian di luar negara seperti Republik Arab Mesir, Kerajaan Hasyimiyah Jordan, Australia dan Malaysia. Manakala lima pelajar ditawarkan Biasiswa Skim Khas bagi mengikuti pengajian di Jerudong International School (JIS), Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwel Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi Penganugerahan Biasiswa Kementerian Hal Ehwel Ugama, Sesi Akademik 2023/2024 yang berlangsung di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwel Ugama, Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama menyampaikan sijil anugerah biasiswa kepada salah seorang pelajar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan. Diikuti dengan ucapan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pengarah Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwel Ugama selaku Pengerusi Majlis. Kemudiannya, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Tujuan majlis diadakan adalah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama bergambar ramai bersama para penerima biasiswa.

KONVOKESYEN AKADEMI DA'WAH 4.0

Oleh : Azizah Hidup



ANUGERAH Da'ie Muslim Terbaik disandang oleh Awang Mohammad Norhadi Yusof @ Yusren bin Abdullah dan Anugerah Da'ieyah Muslimah Terbaik disandang oleh Dayang Nur Izzy Aziah binti Ahmad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Safar bersamaan 20 Ogos

- Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Urus Setia Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Badan Sukarelawan Belia Da'ie telah mengadakan Majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 4.0 yang bertemakan "Da'ie Berimpak, Membangun Masyarakat" yang berlangsung di Dewan Auditorium, Sekolah Al-Falaah, Cawangan Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz

Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan al-Qur'an oleh Yang Mulia Muhammad Nur 'Alim bin Abdullah Nordin, Peserta Akademi Da'wah 4.0 dan 'Ibrah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Nurliya Syamimi binti Muhammad Nazirul Ezzwan, Peserta Akademi Da'wah 4.0.

Diikuti dengan ucapan aluan-aluan daripada Yang Mulia Awang Muhammad Fuad bin Matahir selaku Pengurus Akademi Da'wah 4.0. Dalam ucapan beliau, antara lain berharap agar ilmu yang diperoleh peserta akan dapat diterapkan dalam kehidupan seharian dan membantu membangun masyarakat yang lebih baik.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis yang menekankan betapa pentingnya peranan da'ie dalam membentuk dan membina masyarakat yang harmoni. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga menegaskan kepentingan da'wah yang disampaikan adalah da'wah yang berimpak memelihara keharmonian beragama sama ada di kalangan masyarakat Islam mahupun masyarakat senegara yang antaranya tergolong rakyat dan penduduk yang bukan beragama Islam.

Majlis diteruskan lagi dengan Penutupan Rasmi Akademi Da'wah 4.0 yang bertemakan "Da'ie Berimpak, Membangun Masyarakat" diikuti dengan tayangan video ristaan sepanjang Program Akademi Da'wah 4.0.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 4.0.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sijil penyertaan kepada para daie yang ikut serta dalam Akademi Da'wah 4.0.



Sepanjang program ini diadakan, para peserta dari pelbagai bidang pendidikan dan institusi telah berkongsi pengalaman dan strategi bagi membina impak positif dalam masyarakat. Kuliah dan sesi bengkel perbincangan telah mewujudkan platform bagi para peserta untuk belajar meningkatkan ilmu pengetahuan uggama, memperbaiki akhlak melalui aktiviti-aktiviti tarbiyah da'ie, memperbaiki kemahiran komunikasi dan kepimpinan daripada pihak-pihak pertubuhan 'NGO' dan juga diberi pendedahan kejayaan dan cabaran yang dihadapi oleh da'ie-da'ie terkemuka zaman terdahulu dan masa kini.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada para penceramah dan penyampai undangan dan para penaja. Acara diserikan lagi dengan persembahan syair bertajuk "Salam Sayang" daripada peserta Akademi Da'wah 4.0, diikuti dengan tayangan video ristaan sepanjang program Akademi Da'wah 4.0.

Bagi mengiktiraf usaha dan komitmen para peserta Akademi Da'wah 4.0, penganugerahan telah diberikan kepada peserta yang telah menonjol dalam lapan standard yang ditetapkan iaitu: Kefahaman dan Hafalan al-Quran; Akhlak, Tarbiyah Da'ie dan Aktiviti Media secara individu; Kepimpinan, Proaktif dan Kerjasama; Cabaran mendapatkan mad'u berkualiti; Cabaran Media Sosial secara Berkumpulan; dan Cabaran Khidmat Masyarakat secara Berkumpulan.

Penganugerahan Kumpulan Terbaik Muslimin diberikan kepada Kumpulan Mujtahidun manakala Kumpulan Terbaik Muslimat diberikan kepada Kumpulan Legasi Hawa. Seterusnya

penganugerahan Da'ie Aspirasi disandang oleh Yang Mulia Dayang Nurliya Syamimi binti Muhammad Nazirul Ezzwan. Manakala, Anugerah Da'ie Muslim Terbaik disandang oleh Yang Mulia Awang Mohammad Norhadi Yusof @ Yusren bin Abdullah dan Anugerah Da'ieyah Muslimah Terbaik disandang oleh Yang Mulia Dayang Nur Izzy Aziah binti Ahmad.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Mohammad Nasith bin Superi, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah dan seterusnya tetamu kehormat majlis diiring untuk menyaksikan pameran daripada peserta-peserta yang diraikan.



ANTARA para daie yang turut serta dalam majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 4.0.

DOA KESYUKURAN HAFLUT TAKHARRUJ KALI KESEBELAS ITQSHHB 1445H/2023M

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



PENGIRAN Data Seri Paduka Haji Mohammad Tashim menyampaikan Anugerah Cemerlang Diploma 'Aliyah Qiraat kepada para penerima yang diraikan.



BANDAR SERI BEGAWAN,

Selasa, 28 Muhamarram bersamaan

15 Ogos – Majlis Doa Kesyukuran

sempena Haflut Takharruj Kali Ke-11 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) telah diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa. Majlis tersebut diadakan sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala bagi meraikan kejayaan graduan-graduan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) yang telah berjaya menamatkan pengajian bagi Sesi Pengajian 2020–2023.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran

Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Haflut Takharruj Kali Ke-11 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, (ITQSHHB).

Turut hadir di majlis tersebut ialah para jemputan khas, Timbalan-timbalan Pengetua, para pensyarah pegawai dan guru institut berkenaan, serta graduan-graduan yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Doa yang dipimpin oleh Yang Mulia Ustaz Dr. Haji Mutiaa Al-Kabbani Mahmood, Pensyarah Diploma 'Aliyah Qiraat Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Ini diikuti dengan ucapan alu-aluan

disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, selaku Pengurus Majlis Sempena Haflut Takharruj Kali Ke-11 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Majlis diteruskan dengan ucapan dari wakil graduan, Yang Mulia Awang Mohammad Aziz Aszreen Shah bin Haji Mohammad Zain. Ini diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada Tetamu Undangan Khas, Penyampaian Anugerah Cemerlang Diploma 'Aliyah Qiraat, serta Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Penaja dan Ahli Jawatankuasa Haflut Takharruj Kali Ke-11 ITQSHHB. ■



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan.



ANTARA yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Haflut Takharruj ke-11 ITQSHHB.

QARI DAN QARI'AH NEGARA SELAMAT KEMBALI KE TANAH AIR

Oleh : Dyr. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



HAJI Awang Mohammad Zul-Hafiz dan Dayangku Fauziah Nadhirah semasa ditemuramah mengenai penglibatan mereka dalam Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-63 di Kuala Lumpur, Malaysia.



BANDAR SERI BEGAWAN,

Jumaat, 9 Safar bersamaan 25

Ogos – Peserta Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Haji Awang Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah telah diumumkan sebagai Pemenang Tempat Ketiga di musabaqah tersebut. Beliau menerima hadiah berupa sebuah piala, wang tunai berjumlah RM20,000.00 (kira-kira BND\$6,060.00) dan sijil.

tiba ke Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Haji Awang Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah telah diumumkan sebagai Pemenang Tempat Ketiga di musabaqah tersebut. Beliau menerima hadiah berupa sebuah piala, wang tunai berjumlah RM20,000.00 (kira-kira BND\$6,060.00) dan sijil.

Hadir bagi menyambut kepulangan rombongan ialah Yang Mulia Pengiran

Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■



PENGIRAN Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bergambar ramai bersama peserta negara.

20 PESERTA SERTAI KURSUS SIRI ILMU FARDHU 'AIN: 'DISCOVERING ISLAMIC BELIEF SYSTEM'

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



PENYAMPAIAN sijil disempurnakan oleh Yang Mulia Ustaz Isham bin Awang Ismail, Ketua Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Muhamarram 1445 bersamaan 11 Ogos

- Urusetia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Persatuan Nazhor Community mengadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Siri Ilmu Fardhu 'Ain: 'Discovering Islamic Belief System'. Majlis diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.

Seramai 20 orang peserta telah menerima sijil yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Isham bin Awang Ismail, Ketua Urus Setia Program

Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah.

Antara tujuan kursus diadakan ialah untuk meraikan para peserta yang telah mengikuti pengajian ilmu Aqidah Ahlussunnah Wal Jama'ah yang sistematik dan tersusun dengan merujuk sumber yang jelas daripada kitab-kitab karangan Ulama' Ahlussunnah Wal Jama'ah seperti Imam Al-Ghazali, Imam As-Sanusi dan lain-lain. Kursus seumpama ini diharapkan akan membekalkan para peserta dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi dalam membentengi

diri mereka daripada cabaran-cabaran pemikiran semasa.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar dan surah al-Fatiyah oleh Yang Mulia Awang Abdul Aziz bin Nasran, Ahli Jawatankuasa Nazhor Community. Diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Awang Ahmad Ahyad bin Haji Amynoor, Penggerusi Nazhor Community. Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat dan sesi bergambar ramai. ■



SERAMAI 20 orang peserta telah menyertai Kursus Siri Ilmu Fardhu 'Ain: 'Discovering Islamic Belief System'.

65 SERTAI SKIM BIMBINGAN MUALLAF

Oleh : Azizah Hidup



BAGI Daerah Brunei dan Muara (DBM), skim berkenaan diadakan di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Ogos.

- Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) telah mengadakan Skim Bimbingan Lanjutan II Bagi Muallaf Siri Ke-39 (Lelaki) selama 14 hari bermula 1 Ogos hingga 16 Ogos 2023.

Skim bimbingan berkenaan diadakan secara serentak pada setiap hari kecuali Ahad di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM), skim berkenaan diadakan di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah dan bagi daerah-daerah lain

diadakan di Pejabat Unit Da'wah daerah masing-masing di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, skim berkenaan juga diisikan dengan aktiviti lawatan ke Taman Peranginan Wasai Wong Kadir Labi, Daerah Belait, bagi praktikal Sembahyang Jama' dan Qashar serta tatacara berwudhu di dalam hutan. Antara objektif skim berkenaan diadakan adalah untuk memberikan sokongan dari sudut moral dan spiritual kepada peserta muallaf serta membantu para peserta untuk lebih memahami ajaran agama Islam.

Di samping itu juga, ia bertujuan untuk memberikan panduan kepada para peserta untuk menghayati ajaran agama Islam dalam kehidupan sehari-hari gus memperlihatkan bahawa ajaran agama Islam adalah agama yang indah.

Adapun skim yang dijalankan mengutamakan kualiti pembelajaran dan penyebaran syaksiah yang baik. Manakala pendekatan yang dibawa adalah interaktif dan fleksibel mengikut tajuk-tajuk yang disampaikan dan dibincangkan bersama peserta muallaf. ■



BAGI Daerah Tutong Skim berkenaan diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong.




Majlis Pengislaman OGOS 2023



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023



يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَتَقْوَ اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُونُ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ ﴿١٠﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan kamu tetap sebagai orang Islam.

Surah Aali-'Imraan ayat 102

Features

CHALLENGES FACED BY WORKING MUSLIM WOMEN
in a Muslim society as wives and mothers



Sharifah Khadijah Hussein Alkaff

MARRIAGE, HOME AND CHILDREN

More and more single, Muslim girls are now choosing to delay or forego marriage all together in order to pursue their education and careers. Many have also decided that if they do get married, they will only have a few children and for those who are married and working, their marriage, home and children are constantly at risk, especially if their jobs involve overtime and travelling.

Some women, who have reached an advanced stage in their career, find it very difficult to sacrifice their jobs, thus rift breaks out in the family in which the children and the home are the victims. Recently, an ex-colleague confided that her daughter had been caught being in close proximity with a male

schoolmate. In seeking advice she readily and honestly admitted that she had neglected to form a bond with her daughter. 'I always come home exhausted and there will be so much housework waiting for me that I would become too snappy and short-tempered to ever ask my daughter how her day was at school. Instead I will just bark commands and instructions to her to help me with the housework. I realise now that we are not close, I have never really talked to her before.'

Wherever possible, women should try to choose easy work that doesn't take up most of their time, or leave them exhausted, so that they can always reconcile between the needs of the home and the family - which should take precedence. Some will argue that usually 'easy work' does not bring in big income but more important than the size of our income is the *Barakah* in it. A small income that has *Barakah* is far better than a big one that is devoid of *Barakah*. When I was struggling to raise 3 children on my limited income as a single-parent I recall how I used to try to draw up a balance sheet at the end of the month but always, without fail, my expenses would far outweigh my income yet, always, somehow, we managed. 'I am spending more than I earn, where does the money come from?' I used to wonder. I believe that's *barakah* in action.

THE CONCEPT OF BARAKAH

In her Glossary of Islamic Terms, Aisha Bewley defines *Barakah* as 'blessing, any good which is bestowed by Allah, and especially that which increases, a subtle beneficent spiritual energy which can flow through things or people.' *Barakah* may be empirically immeasurable but its effects can be seen and felt and as Muslims we understand, appreciate and seek it. Being at home and doing the cooking and rearing of children personally gives us wives and mothers more opportunities to seek *Barakah* in all that we do because as we prepare meals for e.g., we will recite the *basmalah* and *shalawat*, as we put the young ones to sleep, we will recite over them and as we clean the house, doors and windows, we may recite Qur'anic verses recommended for protection. A working Muslimah should therefore ensure that her job should not be the cause of her losing *barakah* in her life and causing the loss of it in the home and family. She must ensure that her job and the way she carries it out, her behaviour at work, her relationship with her colleagues etc, are all shari'ah-compliant, so that there will be *Barakah* in the salary that she takes home and in the little time that she has left to spend with her husband, children, family and friends.

Therefore, before embarking on a career, a Muslimah need to seriously ask herself what she and her family will lose and what they will gain with her working.

Sujud Sabwi

Sujud yang dilakukan apabila terlupa atau tertinggal sesuatu yang disuruh atau melakukan sesuatu yang ditegah dalam sembahyang sama ada dengan sengaja atau sebaliknya. Ia sebagai penampal terhadap kelalaian-kelalaian tersebut, sama ada ianya berlaku dalam sembahyang fardhu mahupun sembahyang sunat.

Sujud Tilawah

Sujud Tilawah ialah sujud kerana membaca atau mendengar ayat al-Qur'an yang disunatkan padanya sujud. Ayat-ayat al-Qur'an yang disunatkan Sujud Tilawah itu dinamakan ayat-ayat sajrah.

Sujud Syukur

Sujud Syukur ialah sujud yang disunatkan ketika mendapat ni'mat yang mendadak bagi dirinya atau orang tuanya atau sahabatnya atau ketika selamat daripada bala bagi dirinya atau orang yang dikasihi. Sujud ini sebagai berterima kasih kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala atas ni'mat itu.

أسماء الأبناء
NAMA ANAK LAKI-LAKI
Nayyih
نَيْحٌ
Yang hebat, perkasa

Qaswar
قَسْوَرٌ
Singa, yang berani

Rahum
رَحُومٌ
Yang sangat penyayang

NAMA-NAMA ISLAMI untuk anak damit

Hadits diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab shahihnya, daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Lelaki yang paling dimurkai oleh Allah pada hari kiamat dan paling hina ialah lelaki yang diberi nama 'Malikul Amlak'..."

أسماء البنات
NAMA ANAK BINI-BINI
Nazhirah
نظیرة
Pemimpin yang disanjungi

Qasimah
قَسِيمَةٌ
Yang cantik

Rasyiqah
رَشِيقَةٌ
Yang cantik, anggun



PETIKAN TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASANAL BOKHLIAH MUIZZADDIN
WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
SAMBUTAN ILAL HIJRAH
1445



MAQASHID SYARI'AH PENTING BAGI KESEMPURNAAN KEHIDUPAN

“Fungsi ugama ialah untuk mengatur kehidupan manusia. Ia menjadi punca kepada wujudnya kebajikan bagi penganutnya.

Di sinilah pentingnya Maqashid Syari'ah itu bagi memastikan urusan kehidupan berjalan dengan sempurna, sama ada urusan peribadi mahupun urusan berupa pentadbiran negara. ”

| Program Keugamaan Belia |

PROGRAM MASJID TOUR KALI KE-3

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Safar bersamaan 27 Ogos - Pusat Da'wah Islamiah melalui Urus Setia Program Keugamaan Belia dan Belia Muallaf Asy-Syahadah dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengadakan Program Masjid Tour Kali Ke-3 bagi Tahun 1445H/2023M bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan program dengan penandatanganan signage ialah ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Chong Chin Yee.

Hadir sama, Yang Mulia Ustaz Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Yang Mulia Ustazah Hajah Zunainah binti Haji Gunong, Pemangku Pegawai Ugama Kanan Pusat Da'wah Islamiah dan Yang Mulia Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop, Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah.

Pengisian arut cara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah. Diikuti oleh perasmian program dengan penandatanganan signage. Disusuli dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat dan kemudiannya rombongan meninjau kemudahan yang terdapat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien seperti ruang utama sembahyang, tempat berwudhu, menara masjid dan seterusnya lawatan sekitar kawasan luar Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Juga diadakan petak-petak (booths) bagi pelbagai aktiviti antaranya, Kids' Corner, Hijab Corner, Khat Corner, Al-Qur'an Corner serta Science and Islam. Pendaftaran bagi program lawatan tersebut adalah dibuka kepada orang ramai.

Program Masjid Tour Kali Ke-3 ini diadakan bertujuan antara lain untuk mendalami lagi da'wah serta menzahirkan corak kehidupan Islam di Negara Brunei Darussalam terutama kepada golongan masyarakat non-muslim. Memberi peluang kepada mereka yang berkunjung untuk meninjau masjid secara lebih dekat dan mengenali ibadah-ibadah yang dikerjakan oleh orang Islam. Di samping itu, menyuntik semangat para belia supaya berani tampil menyampaikan maklumat tentang masjid dengan cara yang menarik, tepat dan memberi peluang kepada pelancong untuk bertanya secara langsung mengenai masjid dan aktiviti-aktiviti anjuran masjid.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Chong Chin Yee berpeluang mengikuti aktiviti menulis jawi yang disediakan di petak (booths) Khat Corner.

MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN PERPISAHAN DARIPADA PESURUHJAYA TINGGI REPUBLIK SINGAPURA

Oleh : Azizah Hidup



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menerima kunjungan perpisahan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Heng Aik Yeow.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Muharram bersamaan

2 Ogos – Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan perpisahan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Heng Aik Yeow.

Kunjungan perpisahan berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Hadir sama pada kunjungan perpisahan tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim,

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim, Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tuan Yang Terutama Heng Aik Yeow, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 08 Mac 2021.

Pada kunjungan perpisahan tersebut, kedua-dua belah pihak menghargai hubungan yang telah terjalin dan berharap agar hubungan baik tersebut akan terus kekal kukuh antara kedua-dua buah negara. ■

